



**UCAPAN YANG ARIF DATUK YAACOB BIN HJ MD SAM
PENGERUSI EAIC SEMPENA
DIALOG EAIC BERSAMA PEGAWAI INTEGRITI AGENSI
PENGUATKUASAAN
3 OGOS 2017**

Bismillahir rahmannir rahim
Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Y. Bhg. Dato'-Dato' Pengarah Jabatan dan Bahagian

Tuan/Puan Ketua-Ketua Seksyen/Unit Integriti Agensi-Agensi
Penguatkuasaan

Pegawai-Pegawai Kanan EAIC yang dihormati

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana di atas limpah kurnianya jua Majlis Dialog EAIC bersama Pengarah dan Ketua-Ketua Bahagian/Seksyen/Unit Integriti Agensi Penguatkuasaan dapat diadakan. Saya amat berterima kasih di atas kesudian Y. Bhg. Dato'-Dato' dan Tuan/Puan kerana menerima jemputan bagi menghadirinya.

Pada 24 Julai 2013, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 – Penubuhan Unit Integriti Di Semua Agenzi Awam yang mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 2013.

Unit Integriti dihasratkan supaya menjadi focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Penubuhan unit ini juga bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotism. Inisiatif ini akan membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Mengikut Pekeliling 6/2013 tersebut, penubuhan Unit Integriti merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi.

Unit Integriti bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut:

(a) Tadbir Urus

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.

(b) Pengukuhan Integriti

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integrity dalam organisasi.

(c) Pengesahan dan Pengesahan

- (i) Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil;
- (ii) Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab.

(d) Pengurusan Aduan

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

(e) Pematuhan

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan

(f) Tatatertib

Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

Sehubungan dengan Pekeliling tersebut Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), telah ditubuhkan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di atas unjuran Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

BPIA dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pelaksanaan fungsi Unit Integriti agensi awam di peringkat Persekutuan dan Negeri termasuk pengurusan penempatan pegawai SPM sebagai pegawai integriti di Unit Integriti agensi. SPM juga melalui BPIA melaksanakan risiko rasuah bagi menentukan model Unit Integriti yang bersesuaian untuk dilaksanakan di setiap agensi, samada pada tahap yang tinggi, sederhana atau rendah dan penarafan risiko ini dijalankan pada setiap tiga (3) tahun atau mengikut keperluan.

Pekeliling 6/2013 tersebut menghendaki Ketua Unit Integriti mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaannya kepada Ketua

Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan dan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) SPRM setiap empat (4) bulan sekali, iaitu sebelum 15 haribulan Mei, September dan Januari.

Bertitik tolak daripada latar belakang, tersebut kini semua agensi awam telah mempunyai Unit Integriti yang dikendalikan serta diketuai oleh pegawai-Pegawai Integriti Bertauliahan (Certified Integrity Officer/CeIO) yang diiktiraf oleh Lembaga Kelayakan Pentauliahan Pegawai Integriti yang diurussetiakan oleh SPRM di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Pegawai-pegawai sedemikian adalah samada lantikan oleh SPRM atau oleh agensi awam itu sendiri.

Kini Pegawai Integriti Bertauliahan bukan sahaja ditempatkan di agensi awam, tetapi juga syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Petronas, Tabung Haji, Felda Global Venture Holdings dan Sime Darby.

PDRM mengambil langkah yang lebih besar dengan menubuhkan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standards (JIPS) pada 25 Julai 2014 bagi di antara lainnya menguruskan disiplin, pemantapan integriti dan pematuhan etika polis oleh seramai 134,000 warga kerja PDRM.

Setelah tiga tahun Pekeliling 6/2016 dikeluarkan dan penubuhan Unit Integriti, adakah perlakuan rasuah, penipuan, ketidakjujuran, kegiatan jenayah, pecah amanah dan tingkah laku lain yang tidak beretika oleh pegawai awam telah dapat dibendung?

Kita telah dikejutkan dengan sabitan dan hukuman ke atas bekas Ketua Pengarah Jabatan Imigresen bagi kesalahan rasuah dalam meluluskan permit bagi kemasukan ribuan pekerja asing, penangkapan dan pendakwaan Pengarah Jabatan Bekalan Air Sabah dan konco-konconya yang mengumpul tunai dan harta benda bernilai berates juta ringgit, penangkapan dan pendakwaan Ketua Setiausaha sebuah kementerian

kerana kesalahan berkaitan amalan rasuah dan rampasan harta serta wang tunai benilai jutaan ringgit, penangkapan dan pendakwaan pegawai kanan di sebuah kementerian yang melakukan penipuan dan pemalsuan projek atau kerja-kerja yang tidak wujud bernilai lebih seratus juta ringgit. Episod sedih dan malang yang saya sebutkan ini adalah melibatkan pegawai tinggi kerajaan gred utama yang berpendapatan pada aras yang tinggi. Bagaimana mereka boleh melakukannya tanpa dapat dikesan sejak sekian lama adalah sesuatu yang sangat ganjil jika dilihat kepada sistem kewangan dan pengauditan kewangan yang mencukupi.

Pada hari ini kita didedahkan dengan penangkapan pegawai-pegawai kastam yang dikatakan terlibat dengan aktiviti yang berkaitan dengan memberi kemudahan laluan bagi membawa masuk bahan-bahan bagi membuat dadah berbahaya yang djalankan oleh kumpulan kongsi gelap. Berita di stesyen televisyen malam tadi pula mendedahkan tangkapan pegawai kastam yang dikatakan terlibat dalam aktiviti pelombongan bauksit yang telah dikenakan monitarium atau sekatan oleh kerajaan.

Beberapa minggu sebelum ini kita dihidangkan dengan berita pejabat seorang Ketua Pengarah agensi penguatkuasaan dipecah masuk oleh pasukan elit agensi itu sendiri. Di mana perginya disiplin dan kebanggaan mereka sebagai warga kerja agensi?

Beberapa bulan sebelum itu, kita dikejutkan dengan berita penahanan beberapa orang pegawai kanan polis di sebuah negeri yang dikatakan terlibat dalam amalan rasuah berkaitan aktiviti perjudian haram yang berjalan di bawah daerah kawasan jagaannya. Bagi segelintir pegawai yang tidak amanah moto “Integriti Amalan Kita” yang tersemat lencana pada pakaian mereka tidak membawa sebarang makna.

Berdasarkan Kajian Jabatan Kesihatan, Pusat Perubatan UKM dari tahun 2007 hingga 2009, pekerjaan anggota polis adalah yang paling stress dengan kadar 53.7 peratus, pegawai penjara 48.8 peratus, pegawai bomba

47.3 peratus, guru 45.8 peratus, jururawat 42.3 peratus, dan doctor 40.7 peratus. Skala peratusan stress ini sekarang mungkin telah berubah selepas 7 tahun kerana kita ada membaca berita bagaimana doktor mati kerana kemalangan jalanraya disebabkan tidak cukup tidur atau pengsan di dewan pembedahan kerana keletihan bekerja bagi tempoh yang panjang. Tetapi kajian stress pada peringkat antarabangsa bagi tahun 2017 meletakkan pekerjaan sebagai tentera di tempat pertama stress, diikuti oleh pegawai bomba, juruterbang dan polis di tempat keempat.

Saya membawa kisah-kisah ini supaya kita juga tidak lupa kepada aspek kebijakan dan kemanusiaan pegawai yang bertungkus lumus bertugas bagi mencapai sasaran kerja dan penyampaian perkhidmatan agensinya.

Banyak berita salah laku, ketirisan dan jenayah yang lainnya yang tidak dapat saya butirkan di sini termasuk kes-kes yang melibatkan GLC yang sedang panas sekarang.

Dua hari yang lepas, Ketua Audit Negara membentangkan kepada Parlimen Laporan Audit Tahun 2016. Isu ketirisan yang sama diulangi dan berulang tanpa gagal pada saban tahun. Dikatakan 73% agensi awam gagal mematuhi prosedur tetap (SOP). Di manakah silapnya? Bagi Laporan Audit Tahun 2015, KSN mengumumkan sejumlah 19 pegawai awam akan dihadapkan dengan prosiding tindakan tatatertib. Bagaimana pun kita tidak tahu apakah status tindakan yang diambil itu.

Rakyat melihat semua ini dan membentuk persepsi yang negatif ke atas perkhidmatan awam, pegawai kerajaan dan kerajaan. Pegawai awam yang jujur dan dedikasi terpalit sama oleh lumpur yang dibawa oleh seorang dua pegawai yang tidak jujur. Kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Maka itu cabaran Pegawai Integriti di semua agensi dan badan seperti EAIC dan SPRM sangat besar untuk menggembeling tenaga secara

bersama dan bersepada tanpa terlalu berkira sempadan tugasan bagi mencapai matlamat bersama iaitu mengawal, mencegah dan mengukuhkan integriti dalam semua aspek perkhidmatan dan penguatkuasaan undang-undang oleh agensi awam dan agensi penguatkuasaan. Gerak tindakan secara “silo” tidak cukup atau memadai oleh agensi itu sendiri. Usaha dan kerjasama seperti pertukaran data dan maklumat berkaitan salahlaku dan punca ketirisan adalah penting dilakukan. Kes-kes rentas sempadan (cross border) merumitkan lagi siatan kesalahan dan memerlukan kepakaran dan pengalaman dalam penyiasatan dan pengetahuan tatacara dan undang-undang. Lebih penting agensi tidak boleh menyembunyikan perlakuan salah laku warga kerjanya semata-mata kerana bimbang reputasi agensi akan tercemar jika diketahui oleh pihak di luar agensi. Kekangan tenaga kerja tidak dapat diterima sebagai alasan yang menghalang agensi daripada tugas mengukuhkan integriti warga kerjanya.

Di peringkat tertinggi, KSN Y. Bhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa sendiri baru-baru ini melahirkan prihatin beliau bahawa tindakan dengan hanya memberi amaran kepada pegawai bagi salah laku yang dilakukan tidak lagi menjadi suatu kaedah yang sesuai dalam membentuk disiplin di kalangan pegawai awam. Perkara ini telah dizahirkan sejak tahun 2006 oleh KSN ketika itu Tan Sri Mohd Sidek Hassan semasa membentangkan kertas kerja bertajuk *“Isu-isu Tadbir Urusa dan Integriti Dalam Perkhidmatan Awam Dan Masa Depan”*.

Pada peringkat SPRM berhubung dengan kes tatatertib sepanjang 10 tahun sehingga tahun 2016, sejumlah 1,952 laporan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Agensi. Daripada jumlah itu, hanya 60 kes dikenakan hukuman buang kerja. Sejumlah 979 kes atau 50% dikenakan surat amaran yang tidak mendatangkan apa-apa kesan deterrent.

Banyak ketua jabatan melihat tindakan disiplin sebagai tindakan yang tidak popular untuk dilakukan walau pun tugas tersebut dipertanggungjawabkan untuk dilakukan oleh ketua jabatan mengikut Perkara 3C Tugas Kawalan

dan Pengawasan Tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Saya percaya Pegawai Integriti mempunyai data komprehensif berkaitan jawatan dan kerusi panas, pusingan kerja panas, pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, kawalan disiplin dan narkotik warga kerja, pemilikan harta dan pemergian keluar negara warga kerja dan pematuhan kepada peruntukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan termasuk keupayaan menghidu gaya hidup mewah atau di luar kemampuan penggajian warga kerja. Saya juga percaya Pegawai Integriti mempunyai kerjasama yang baik dengan Unit Audit Dalaman agensi dan diberikan akses kepada semua maklumat oleh ketua agensi bagi membolehkan Pegawai Integriti melaksanakan tugasannya dengan berkesan. Kita perlu melihatkan kepada orang awam bahawa kita adalah serius dan konsisten dalam tindakan membasmi rasuah dan salah laku di kalangan pegawai awam.

EAIC sentiasa menyokong agensi yang telah mengadakan IBR. Usaha tersebut adalah langkah awal dalam melihatkan iltizam agensi yang lebih tinggi disamping pelan integriti yang telah diwujudkan oleh agensi.

Melalui dialog kita pada hari ini yang pertama kali diadakan oleh EAIC, yang mana saya mengharapkan akan dapat diteruskan pada masa hadapan, adalah diharapkan kita secara hati dan minda yang terbuka dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan usaha pengukuhan integriti di kalangan warga kerja kita dan isu-isu yang berkaitan dengan integriti.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin memetik satu riwayat oleh Abul Laits meriwayatkan dengan sanadnya dari Umar bin Abdul Aziz berkata: “*Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak menyiksa orang umum kerana dosanya orang-orang tertentu tetapi apabila perbuatan dosa itu*

bermaharajalela dan terang terangan kemudian tidak ada yang menegur, maka bererti semuanya sudah layak menerima hukuman.”

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kehadiran Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan sekalian.

Sekian, terima kasih.